



**PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

1. JAWATAN : PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA

GRED : J44
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN & PROFESIONAL
TARAF JAWATAN : **TETAP**
BILANGAN KEKOSONGAN : 1 KEKOSONGAN
JADUAL GAJI :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM3,420.00	RM9,557.00	RM250.00

SYARAT-SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- c. (i) Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta Ijazah Sarjana atau Diploma Lepas Ijazah dalam bidang perancang Bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
 - (iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta Ijazah Sarjana atau Diploma Lepas Ijazah dalam bidang Perancang Bandar atau lain-lain bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **atau**
 - (iv) Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Geografi, Ekonomi, Sains Sosial, Antropologi atau Perangkaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta Ijazah Sarjana atau Diploma Lepas Ijazah dalam bidang Perancang Bandar atau lain-lain bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **dan**
 - (v) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- d. Mempunyai sekurang-kurangnya 8 tahun pengalaman dalam bidang Perancang Bandar dan Desa amat bersesuaian untuk memohon.

SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT

1. Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J 41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan ke jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J44 yang kosong apabila telah :
 - a)
 - (i) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (ii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (iii) diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
 - (iv) bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
 - (v) telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa;
 - (vi) Lulus Tapisan Keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
 - (vii) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang Perancang Bandar dan Desa sekurang-kurangnya lapan (8) tahun;
 - (viii) bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan
 - (x) syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga.
 - b) Pertimbangan kenaikan pangkat adalah berasaskan merit dan Lembaga akan mengambil kira faktor-faktor seperti berikut:-
 - (i) Kecekapan dan prestasi kerja pegawai (Prestasi tiga [3] tahun terkini);
 - (ii) Kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai;
 - (iii) Sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai; dan
 - (iv) Kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada masyarakat dan Negara.

dan

 - c) Lembaga juga boleh mengambil kira aspek lain yang difikirkannya relevan, antaranya:-

- (i) Kebolehan dan potensi pegawai dengan jawatan kenaikan pangkat yang dinilai melalui kaedah-kaedah lain, contohnya temu duga, peperiksaan atau Pusat Penilaian (*Assessment Centre*);
- (ii) Kriteria penilaian khas berkaitan dengan bidang kerja seperti kecemerlangan atau penyelidikan;
- (iii) Personaliti dan tingkah laku yang baik dan kebolehan mewujudkan perhubungan yang harmoni dengan semua pihak; atau
- (iv) Kesesuaian dan penerimaan Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J44 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

DESKRIPSI TUGAS

Merancang, menyediakan, menyelia dan menyelaraskan kajian rancangan pembangunan dan pelan-pelan pembangunan serta membuat laporan teknikal dan memberi nasihat perancangan termasuk pelan tata-aturnya.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a) Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati dengan datang sendiri ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Wisma Perbadanan Labuan, W. P. Labuan. Maklumat jawatan kosong serta Borang Permohonan Jawatan juga boleh didapati melalui Laman Web: www.pl.gov.my
- b) Pemohon yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing beserta **Laporan Nilai Prestasi Tahunan yang terkini dan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini**;
- c) **Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar, salinan kad pengenalan, kelulusan akademik dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah dari salinan asal**;
- d) Sila nyatakan jawatan yang dipohon di penjuru kiri sampul surat dan borang yang lengkap diisi hendaklah dikembalikan pada atau sebelum **11 Mei 2015 (Isnin)** ke alamat berikut:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN LABUAN
WISMA PERBADANAN LABUAN
JALAN DEWAN
PETI SURAT 81245
87022 W.P. LABUAN
(U/P: JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

- e) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Perbadanan Labuan dengan menghubungi talian 087-581817, 581819, dan 581814;
- f) Permohonan yang **lewat, tidak lengkap seperti yang dinyatakan di para (c) di atas atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak;
- g) Hanya calon yang **layak selepas tapisan sahaja** akan dipanggil untuk temu duga;
- h) Pemohon-pemohon yang **tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya; dan
- i) Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.